



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**PERBANDINGAN UJIAN KLOZ DAN UJIAN ANEKA PILIHAN
UNTUK MENILAI KEFAHAMAN MEMBACA DALAM
BAHASA MELAYU**

TOMMY HAJI NOLLIE

FPP 1997 36

**PERBANDINGAN UJIAN KLOZ DAN UJIAN ANEKA PILIHAN
UNTUK MENILAI KEFAHAMAN MEMBACA DALAM
BAHASA MELAYU**

Oleh

TOMMY HAJI NOLLIE

**Kertas Projek Penyelidikan Yang Dikemukakan Sebagai Sebahagian
Syarat Untuk Mendapatkan Ijazah Master Sains
Di Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia**

Mei 1997



Diabadikan

segala keluh kesah rasa,
segala jerih perih usaha,
segala erti edaran masa,
dan segalanya

buat ...

isteri tercinta **Ane @ Nurhaidah Mohd Ghazali**,
yang memahami dan merestui pengorbanan ini
yang menjadi pendorong utama di dalam
mengejar cita-citaku ini.

ayahanda **Haji Nole Ziel** ,
bonda **Monis Ebley**,
yang banyak memberi nasihat dan doa restu.

anak-anak tersayang

Mohd. Rahmat

Anisa

semoga mereka lebih memahami nilai kepentingan ilmu
bagi menghadapi hari-hari muka yang mencabar.

Semoga segala erti ilmu tidak terhenti di sini sahaja.

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, penyelidik merakamkan rasa syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, di atas limpah kurnia serta hidayah-Nya, kerana dapat menyiapkan kertas projek ini bagi memenuhi syarat penganugerahan ijazah Master Sains.

Penyelidik ingin mengucapkan setinggi penghargaan serta jutaan terima kasih kepada Pengerusi dan Penyelia Kertas Projek Dr. Rohani Ahmad Tarmizi. Minat, kesabaran serta didikasi beliau di dalam membimbing, menunjuk ajar serta memberi cadangan di sepanjang penghasilan kertas projek ini amatlah disanjung dan dihargai oleh penyelidik.

Ucapan ribuan terima kasih ingin dirakamkan kepada Bahagian Biasiswa, Kementerian Pendidikan Malaysia kerana menawarkan biasiswa untuk penyelidik melanjutkan pengajian ke peringkat sarjana. Ucapan terima kasih tidak dilupakan juga kepada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan dan Bahagian Pendidikan Guru , Kementerian Pendidikan Malaysia serta Maktab Perguruan Sandakan kerana telah memberi kebenaran untuk menjalankan penyelidikan ini.

Kesempatan ini juga diambil untuk merakamkan penghargaan dan ucapan ribuan terima kasih kepada Pengetua dan pensyarah-pensyarah Maktab Perguruan Sandakan yang terlibat khususnya Saudara Abdul Manaf, di atas segala bantuan serta kerjasama mereka sepanjang penyelidikan ini.

Tidak dilupakan kepada pensyarah-pensyarah di Fakulti Pengajian Pendidikan dan di Fakulti Pengajian Bahasa Moden, rakan-rakan seperjuangan program Master Sains yang lain yang telah turut membantu sama ada secara langsung atau tidak langsung, penyelidik ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih . Budi anda semua tetap dikenang.

Akhir sekali penyelidik ingin melahirkan rasa terima kasih serta penghargaan teristimewa kepada isteri tercinta, Ane @ Nurhaidah Mohd.Ghazali, anak-anak Mohd. Rahmat dan Anisa yang sentiasa memberi sokongan dan dorongan di dalam menyiapkan kertas projek ini.

Semoga Allah Subhanahu Wata'ala sentiasa melindungi dan memberkati segala usaha kita , Amin.



KANDUNGAN

	Halaman
PENGHARGAAN	iii
SENARAI JADUAL	viii
SENARAI RAJAH	x
SENARAI SINGKATAN	xi
ABSTRAK	xiii
ABSTRACT	xvii
BAB	
I PENDAHULUAN	1
Latar Belakang	1
Pernyataan Masalah	9
Objektif Penyelidikan	13
Objektif Am	13
Objektif Khusus	13
Soalan Penyelidikan	15
Hipotesis Penyelidikan	15
Kepentingan Penyelidikan	17
Definisi Operasional	18
Ujian Kloz	18
Skor Ujian Kloz	19
Ujian Objektif Aneka Pilihan	19
Skor Ujian Aneka Pilihan	19
Skor Prestasi Pemahaman Membaca	20

	Tahap Bacaan Am	20
	Program Pengajian	20
	Batasan Penyelidikan	21
II	TINJAUAN LITERATUR	23
	Pengenalan	23
	Latar Belakang Dan Sejarah Ujian Kloz	24
	Kajian-Kajian Menggunakan Ujian Kloz dan Aneka Pilihan	26
	Teori-Teori Yang Berkaitan Dengan UK	38
III	METODOLOGI PENYELIDIKAN	45
	Pengenalan	45
	Reka Bentuk Penyelidikan	46
	Kerangka Teori	47
	Populasi Dan Persampelan	49
	Instrumentasi	52
	Pemilihan Petikan	52
	Pembinaan Ujian Kloz	53
	Pembinaan UAP	54
	Kesahan Dan Kebolehpercayaan Alat Ujian	55
	Jadual Tadbir Ujian	56
	Kajian Rintis	56
	Prosedur Pengumpulan Data	57
	Penganalisan Data	58
	Skema Pemarkahan UK	59
	Dapatan Kajian Rintis	61

IV	DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN	62
	Pengenalan	62
	Tahap Kebolehpercayaan UK Dan UAP	63
	Tahap Bacaan Am Guru Pelatih Dalam UK Dan UAP	64
	Prestasi Pemahaman Membaca Teks BM Guru Pelatih Dalam UK...	69
	Prestasi Pemahaman Membaca Teks BM Guru Pelatih Dalam UAP..	73
	Analisis Secara Inferensi	75
V	KESIMPULAN ,CADANGAN DAN CADANGAN KAJIAN LANJUT...	87
	Kesimpulan	87
	Cadangan	90
	Cadangan Penyelidikan Lanjut	92
	BIBLIOGRAFI	94
	LAMPIRAN	101
	A	101
	B	102
	C	103
	D	104
	E	117
	F	123
	G	124
	H	126
	VITA	127



Senarai Jadual

Jadual	Muka Surat
1. Pecahan Kelulusan Akademik Sampel Kajian Mengikut Jantina	51
2. Pecahan Sampel Kajian Mengikut Daerah Atau Negeri Asal	51
3. Pecahan Petikan Bahan Kajian Mengikut Bidang.....	53
4. Bilangan Petikan Dan Item UK.....	54
5. Perbandingan UAP Dan UK Berdasarkan Peratusan Skor Mengikut Skala Anderson (1971).....	60
6. Indeks Kebolehpercayaan UK Dan UAP.....	64
7. Tahap Bacaan AM Guru Pelatih Dalam UK dan UAP.....	65
8. Tahap Bacaan Am Guru Pelatih Dalam UK dan UAP Mengikut Program Pengajian.....	66
9. Tahap Bacaan AM Guru Pelatih Berdasarkan Jantina Dalam UK Dan UAP	68
10. Taburan Kekerapan Skor Mentah Bagi Guru Pelatih Dalam UK....	69
11. Taburan Kekerapan Skor Peratusan Bagi Guru Pelatih Dalam UK..	70
12. Skor Minimum Dan Maksimum,Julat,Min Dan Sisihan Piawai Bagi Guru Pelatih Dalam UK.....	70
13. Taburan Skor Piawai Bagi Guru Pelatih Dalam UK.....	71
14. Taburan Skor Mentah, Skor Peratusan Dan Skor Piawai Bagi Guru Pelatih Dalam UAP.....	73
15. Skor Minimum Dan Maksimum,Julat,Min, Dan Sisihan Piawai Bagi Guru Pelatih Dalam UAP.....	74



16.	Skor Minimum,Skor Maksimum,Julat Min, Dan Sisihan Piawai Dalam UK Dan UAP.....	75
17.	Min , Sisihan Piawai.Dan Ujian t Sampel Bebas Bagi Guru Pelatih Yang Mengambil UK Dan UAP.....	76
18.	Min,Sisihan Piawai Dan Ujian t Sampel Bebas Bagi Guru Pelatih Lelaki Dan Perempuan Dalam UK... ..	77
19.	Min,Sisihan Piawai Dan Ujian t Sampel Bebas Bagi Guru Pelatih Lelaki Dan Perempuan Dalam UAP.....	78
20.	Min, Sisihan Piawai Dan Ujian F Bagi Guru Pelatih Mengikut Program Pengajian Dalam UK.....	80
21.	Jadual Rumusan ANOVA Sehalu (Hipotesis IV).....	80
22.	Min, Sisihan Piawai Dan Ujian F Bagi Guru pelatih Mengikut Program Pengajian Dalam UAP.....	82
23.	Jadual Rumusan ANOVA Sehalu (Hipotesis V).....	82
24.	Min,Sisihan Piawai Dan Ujian t Sampel Bebas Bagi Guru Pelatih Kumpulan I Dan Kumpulan II Dalam UK.....	85
25.	Min,Sisihan Piawai Dan Ujian t Sampel Bebas Bagi Guru Pelatih Kumpulan I Dan Kumpulan II Dalam UAP... ..	86



SENARAI RAJAH

Rajah

Muka Surat

1. Kerangka Teori Penyelidikan Berdasarkan Model
Teori Komunikasi..... 48

SENARAI SINGKATAN

BM	-	Bahasa Melayu
IPT	-	Institusi Pengajian Tinggi
UK	-	Ujian Kloz
UAP	-	Ujian Aneka Pilihan
ESL	-	English Second Language
EFL	-	English Foreign Language
KBSR	-	Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah
KBSM	-	Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah
DPM	-	Diploma Perguruan Malaysia
DBM	-	Dinamika Bahasa Melayu
MPSS	-	Maktab Perguruan Sandakan, Sabah
PI/PM	-	Pengajian Islam Dan Pengajian Melayu
PBI/KH	-	Pengajian Bahasa Inggeris Dan Pengajian Kemahiran Hidup
PMT/KT	-	Pengajian Matematik Dan Kajian Tempatan
PMT/SN	-	Pengajian Matematik Dan Sains
PS/PJK	-	Pengajian Sains Dan Pendidikan Jasmani & Kesihatan
TBB	-	Tahap Bacaan Bebas
TBP	-	Tahap Bacaan Pengajaran
TBK	-	Tahap Bacaan Kecewa



Sm	-	Skor Mentah
K	-	Kekerapan
Sp	-	Skor Peratusan
SP	-	Sisihan Piawai
Spw	-	Skor Piawai
p	-	Tahap Kebarangkalian

Abstrak Kertas Projek Penyelidikan yang dikemukakan kepada Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat-syarat keperluan Ijazah Master Sains

**PERBANDINGAN UJIAN KLOZ DAN UJIAN ANEKA PILIHAN UNTUK
MENILAI KEFAHAMAN MEMBACA DALAM BAHASA MELAYU**

Oleh

TOMMY HAJI NOLLIE

Mei, 1997

Pengerusi : Dr. Rohani Ahmad Tarmizi

Fakulti : Pengajian Pendidikan

Tujuan kajian ini ialah untuk menentukan dan membandingkan tahap kebolehppercayaan dua bentuk ujian kefahaman membaca, iaitu ujian kloz (UK) dan ujian aneka pilihan (UAP). Di samping itu, kajian ini ingin meninjau tahap bacaan am dan prestasi pemahaman membaca teks Bahasa Melayu (BM) di kalangan guru pelatih yang berbeza jantina dan program pengajian. Sejumlah 140 guru pelatih (48 lelaki dan 92 perempuan) yang mengikuti program Diploma Perguruan Malaysia dari Maktab Perguruan Sandakan Sabah telah dipilih untuk kajian ini. Data telah diperoleh dengan mentadbirkan UK dan UAP. Data kemudian dianalisis dan ditentukan tahap kebolehppercayaan dengan menggunakan kaedah 'split-half' Spearman-Brown. Tahap



bacaan am ditentukan dengan menggunakan skala Anderson berdasarkan skor peratusan, dan prestasi guru pelatih dibandingkan berdasarkan min skor piawai.

Dapatan kajian menunjukkan tahap kebolehpercayaan UK adalah lebih tinggi berbanding UAP, iaitu 0.86 bagi UK dan 0.82 bagi UAP. Tahap bacaan am guru pelatih secara keseluruhan ($N = 140$) adalah lebih baik dalam UK berbanding dalam UAP. Tahap bacaan am guru pelatih perempuan didapati lebih baik berbanding guru pelatih lelaki dalam kedua-dua ujian. Berdasarkan program pengajian, tahap bacaan am guru pelatih dari program Pengajian Matematik /Sains (PMT/SN), Pengajian Bahasa Inggeris /Kemahiran Hidup (PBI/KH) dan Pengajian Islam /Pengajian Melayu (PI/PM) menunjukkan tahap bacaan yang lebih tinggi dalam UK berbanding dengan guru pelatih dari program Pengajian Matematik/Kajian Tempatan (PMT/KT) dan Pengajian Sains/ Pendidikan Jasmani Kesihatan (PS/PJK). Manakala dalam UAP hanya guru pelatih dari program PS/PJK menunjukkan tahap bacaan am yang lebih baik berbanding dengan empat program pengajian yang lain.

Bagi prestasi pemahaman membaca teks BM, secara keseluruhan dapatan kajian menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan di kalangan guru pelatih yang mengambil UK dan UAP. Dari segi jantina, guru pelatih perempuan menunjukkan prestasi yang lebih baik berbanding guru pelatih lelaki dalam UK dengan nilai $t(138) = 4.42, p < 0.001$. Manakala dalam UAP, tidak wujud perbezaan yang bererti di antara guru pelatih lelaki dengan guru pelatih perempuan. Analisis ANOVA

sehala menunjukkan perbezaan yang signifikan di antara guru pelatih pelbagai program dalam UK dengan nilai $F(4,135) = 42.08, p < 0.001$. Dalam UAP, analisis ANOVA sehala juga menunjukkan berbezaan yang signifikan di antara guru pelatih pelbagai program dengan nilai $F(4,132) = 2.909, p < 0.05$. Berdasarkan ujian Tukey-B dapatan kajian menunjukkan tiga daripada lima program dalam UK berbeza secara signifikan, iaitu PMT/SN, PBI/KH, dan PI/PM berbanding hanya satu dalam UAP iaitu PS/PJK.

Kajian ini juga telah membandingkan prestasi pemahaman membaca teks BM di kalangan guru pelatih yang mengambil UK di peringkat awal dengan guru pelatih yang mengambil UK di peringkat kemudian. Guru pelatih telah dibahagikan kepada Kumpulan I dan Kumpulan II. Kumpulan I diberikan UK di peringkat awal manakala Kumpulan II diberikan UK di peringkat kemudian. Dapatan kajian menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan bagi prestasi pemahaman membaca guru pelatih yang mengambil UK di peringkat awal berbanding dengan yang mengambil UK kemudian, $t(138) = 4.33, p < 0.001$. Min prestasi bagi guru pelatih yang mengambil UK di peringkat awal adalah 53.42 manakala min prestasi bagi guru pelatih yang mengambil UK di peringkat akhir adalah 46.55. Didapati juga pelajar menunjukkan prestasi pemahaman membaca yang lebih baik dalam ujian kedua (ujian UAP) dibandingkan dengan pelajar yang mengambil UAP di peringkat awal.

Daripada dapatan kajian boleh dirumuskan bahawa kedua-dua ujian klotz dan ujian aneka pilihan adalah sesuai digunakan untuk menilai kefahaman membaca bagi teks BM. Bagi kedua-dua UK dan UAP, prestasi pemahaman dipengaruhi oleh jantina dan jenis program yang diikuti oleh guru pelatih. Di samping itu, penggunaan UK didapati dapat memberi kesan yang baik terhadap kefahaman membaca teks BM. Dengan itu dicadangkan penggunaan UK diperluaskan dalam pengajaran BM di samping penggunaan UAP bagi menilai kefahaman membaca teks BM.

Abstract of the project paper research submitted to Universiti Putra Malaysia in partial fulfilment of the requirement for the Degree of Master of Science

**COMPARISON OF CLOZE AND MULTIPLE CHOICE TEST FOR
EVALUATE READING COMPREHENSION IN BAHASA MELAYU**

By

TOMMY HAJI NOLLIE

May, 1997

Chairman : Dr. Rohani Ahmad Tarmizi

Faculty : Educational Studies

The aim of this study was to determine and compare the reliability two forms of reading comprehension test, the cloze test (CT) and multiple choice test (MCT). Beside that, this study want to ascertain the basic reading level and achievement of reading comprehension in Bahasa Melayu (BM) among trainee teachers of different sex and program of study. A total of 140 trainee teachers (48 men and 92 women) who were taking Diploma Perguruan Malaysia programme from Maktab Perguruan Sandakan, Sabah were choosen for the study. Data were collected using the CT and MCT administration. Spearman-Brown 'split-half' were used to determine the reliability of the two tests, the Anderson scale were used to determine the reading level, and the achievement among trainee teachers were determined by the standard scores mean.



The findings showed that the reliability coefficient of CT were 0.86 compared to MCT, 0.82. The analysis showed that the percentage of reading level among trainee teachers as a whole (N= 140) were higher in CT compared with MCT. The reading level of female trainee teacher were higher compared with male in both tests. The reading level of trainee teachers between program showed that the Pengajian Matematik/Sains (PMT/SN), Pengajian Bahasa Inggeris/Kemahiran Hidup (PBI/KH) and Pengajian Islam/Pengajian Melayu (PI/PM) were higher compared to Pengajian Matematik / Kajian Tempatan (PMT/KT) and Pengajian Sains/Pendidikan Jasmani Kesihatan (PS/PJK) in CT. Whereas only trainee teachers from PS/PJK showed a higher reading level compared with trainee teachers from four others program.

Findings showed that the achievement of reading comprehension among trainee teachers showed no significant difference in CT and MCT as a whole. The achievement of female trainee teacher showed a significant different compared to male in CT, $t(138) = 4.33, p < 0.001$. Whereas there was no significant different in reading achievement between female trainee teachers and male in MCT. Analysis using the one way ANOVA showed a significant difference in achievement of reading comprehension between trainee teachers of different course programme in CT, $F(4,135) = 42.08, p < 0.001$. Analysis of one way ANOVA also showed a significant different in achievement of reading comprehension between trainee teachers of different course programme in MCT, $F(4, 132) = 2.909, p < 0.05$. Using the



Tukey-B test the findings showed that three out of five course program in CT were significantly different that is PMT/SN, PBI/KH and PI/PM compared with one course program in MCT that is PS/PJK.

Comparison of reading comprehension achievement in BM among trainee teachers who were taking CT at the beginning session and later session was done. The trainee teachers were divided into Group I and Group II. Group I were given CT at the beginning and Group II were given CT later. This findings showed significant difference between Group I and Group II, $t(138) = 4.33$, $p < 0.001$ in their reading comprehension achievement scores. The mean score for group I is 53.42 whilst for group II is 46.55. It is also indicated that better performance was shown in the later session test (which is MCT) as compared to group of trainees taking the MCT at the early session.

From the overall findings, it may be suggested that both types of test are appropriate to evaluate reading comprehension achievement in BM texts. In both types of test, gender and program of study have an effect on the reading comprehension achievement in BM. In addition, the use of CT has an improved effect in reading comprehension of BM text and therefore should be used widely in the teaching of BM besides using UAP to evaluate performance of reading comprehension.



BAB I

PENDAHULUAN

Latar Belakang

Kemahiran membaca merupakan kemahiran bahasa yang penting yang perlu dikuasai oleh setiap individu. Dengan membaca seseorang dapat menimba ilmu pengetahuan daripada berbagai-bagai sumber. Mereka juga boleh menerokai alam ilmu pengetahuan yang tidak dapat ditempuhi melalui pengalaman biasa dalam kehidupan seharian.

Membaca melibatkan pemahaman dan interpretasi idea-idea yang disimbolkan melalui penulisan atau simbol yang tertulis. Dengan itu, membaca dengan kefahaman tidak boleh dipisahkan antara satu dengan lain. Membaca perkataan demi perkataan dengan tidak memahami makna ayat dan keseluruhan teks yang dibaca bukanlah bacaan yang sebenar. Ini dikatakan *word calling* atau *barking at print*. Jelasnya, membaca meliputi kebolehan mendapatkan satu gambaran yang bermakna daripada idea atau maklumat dalam bacaan itu, manakala kefahaman membaca membawa makna memahami bahan bacaan dengan sepenuhnya.

Menurut Harris dan Hodges (1981:229), kefahaman membaca ialah kebolehan atau kemampuan memahami dengan sepenuhnya apa yang dibaca. Ia merupakan satu proses mendapatkan maklumat daripada komunikasi, sama ada melalui lisan, bertulis atau penggunaan simbol-simbol yang tertentu dan merangkumi proses mental yang kompleks seperti pengecaman, pemilihan makna yang sesuai, penubuhan generalisasi dan juga penilaian .

Kefahaman juga berkait rapat dengan pengalaman dan pengetahuan sedia ada pada seseorang kerana pengalaman dan pengetahuan itu diharap akan dapat menolong seseorang memberi gerak balas terhadap bahan yang dibaca. Hasil kajian-kajian yang telah dibuat didapati pelajar yang kurang pengalamannya akan menghadapi masalah di dalam pembelajaran. Pelajar akan dapat memahami bahan yang dibacanya dengan lebih baik jikalau pelajar telah menguasai semua mekanis dalam bacaan (Khadijah Rohani,1987:167).

Zalizan (1987:115) menegaskan bahawa perkara yang penting dalam proses membaca adalah penguasaan makna yang terkandung di dalam simbol bercetak dan makna dalam konteks ini bermaksud satu kombinasi penerangan kompleks yang ingin disampaikan oleh pengarang kepada pembaca-pembacanya. Oleh itu, untuk mencari makna yang tersirat pelajar perlu menumpukan perhatian terhadap ayat atau

perenggan, frasa dan klausa yang mengandungi mesej penulis dalam bahan bacaan yang dibaca.

Menurut Robinson (1977:123) pula, pemahaman adalah perbezaan antara apa yang diketahui oleh seseorang mengenai sesuatu topik sebelum membaca dan apa yang disimpulkannya atau diertikan selepas membaca. Selain itu, seseorang yang membaca bukan sahaja perlu memahami makna yang tersirat dan tersurat tetapi juga boleh menilai apa yang dibaca.

Harris dan Sipay (1980:447-448) menyatakan bahawa :

“ Word recognition is a prerequisite for reading comprehension, but recognition without understanding is worth a little ... an accurate understanding of meaning of words is a necessary prerequisite for reading without meaning.”

Mereka menegaskan betapa pentingnya pengetahuan perbendaharaan kata sebagai suatu komponen bacaan dan kefahaman yang imperatif. Memang tidak dapat disangkalkan lagi, untuk memahami sesuatu yang dibaca, wujud keperluan mengenal atau mengecam dan memahami makna perkataan-perkataan yang ditempuhi terlebih dahulu setepat yang mungkin. Ini bersesuaian dengan pendapat mereka di atas.

Pumfery (1977: 205) pula telah membuat kesimpulan bahawa membaca sebagai suatu proses pembinaan yang merangkumi kefahaman makna eksplisit. Ia

melibatkan aplikasi, penilaian dan imaginasi. Beliau menyenaraikan empat komponen utama dalam kebolehan membaca yang dapat dikenal pasti dan cara pengukurannya yang mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan, iaitu :

1. keseluruhan fakta berbahasa,
2. kefahaman isi yang dinyatakan,
3. kefahaman makna yang implisit, dan
4. penghargaan.

Pada keseluruhannya, pemahaman membaca bukanlah sekadar mengingat semua fakta daripada sesebuah teks tetapi lebih daripada itu. Pemahaman melibatkan penilaian dan kemahiran bahasa yang luas yang dibina melalui pengalaman bahasa yang berbeza-beza.

Perkembangan pemahaman membaca seseorang pelajar pula boleh dipengaruhi oleh empat faktor utama, iaitu: Pertama, tahap pemahaman yang diperlukan. Ini dikaitkan dengan kemahiran pemahaman yang berbeza-beza yang memerlukan jenis dan tahap pemikiran yang juga berbeza-beza. Tahap pemahaman yang berbeza-beza pula berkait rapat dengan kemahiran dan tahap pemikiran. Smith (1969: 249) telah mengemukakan empat jenis kemahiran kefahaman: kefahaman literal, kefahaman tafsiran, kefahaman kritikan, dan kefahaman kreatif.

Menurut Smith lagi, kefahaman literal adalah bentuk kemahiran pemahaman yang paling asas atau prasyarat untuk kemahiran lain yang lebih kompleks. Manakala White (1973 :361) dalam kajiannya tentang hal ini menjelaskan bahawa pengajaran kemahiran-kemahiran prasyarat perlu didahulukan. Beliau membincangkan satu kajian yang dilakukan terhadap satu kumpulan pelajar yang telah diajar dua kemahiran dengan cara yang berlainan . Satu kemahiran tersebut merupakan prasyarat kepada kemahiran yang satu lagi.

Didapati bahawa kumpulan yang menguasai kemahiran termudah atau literal dahulu boleh menguasai kemahiran yang lebih kompleks dalam masa yang lebih singkat. Kesimpulannya, pelajar yang dapat menguasai kemahiran yang asas atau kemahiran prasyarat dapat mempercepatkan penguasaan kemahiran-kemahiran tertinggi seterusnya.

Dalam pengajaran guru perlu menyedari bahawa kefahaman adalah hasil proses pemikiran. Pemikiran membolehkan pembaca memahami petikan bahan bacaan yang dibaca. Oleh yang demikian, apabila guru mengajar kefahaman membaca, guru sebenarnya mengajar pelajar kemahiran berfikir secara terancang terhadap petikan bahan bacaan yang dibaca.